

Pengurusan Strategik Dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan di Malaysia: Mengenal Pasti Jurang Penyelidikan Melalui Tinjauan Literatur

(Strategic Management in Malaysian Government-Linked Companies: Identifying Research Gap Through A Literature Review)

Nik Khusairie Jaafar^{1*}

¹Institut Pengajian Pascasiswazah, Innovative University College (IUC), 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Email: khusairie@ppj.gov.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Nik Khusairie Jaafar
(khusairie@ppj.gov.my)

KATA KUNCI:

Tinjauan literatur
Syarikat berkaitan kerajaan
Pengurusan strategik

KEYWORDS:

Literature review
Government-linked companies
Strategic management

CITATION:

Nik Khusairie, J. (2026). Pengurusan Strategik Dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan di Malaysia: Mengenal Pasti Jurang Penyelidikan Melalui Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(9), e004198. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i9.4198>

ABSTRAK

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) merupakan entiti strategik dalam menyokong agenda pembangunan Malaysia. Kedudukan ini menjadikan GLC unik kerana perlu mengimbangi matlamat komersial, kepentingan awam dan akauntabiliti kerajaan. Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan prestasi GLC, namun aspek pengurusan strategik dalam konteks GLC di Malaysia, masih belum dihuraikan secara menyeluruh. Perbincangan mengenai pengurusan strategik GLC juga masih bersifat terpisah dan kurang bersepadu, khususnya dalam menjelaskan bagaimana GLC membentuk, melaksanakan dan menyesuaikan strategi bagi mencapai prestasi organisasi yang mampan serta memenuhi tanggungjawab kepada pihak berkepentingan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang penyelidikan berkaitan pengurusan strategik dalam GLC di Malaysia. Kajian ini menggunakan metodologi tinjauan literatur berdasarkan lima (5) langkah pelaksanaan, iaitu penentuan skop, perancangan, pengenalpastian, penyaringan dan pelaporan. Sebanyak dua belas (12) kata kunci pencarian telah ditetapkan bagi tujuan kajian ini. Maklumat bagi tinjauan literatur diperoleh daripada tiga (3) pangkalan data, iaitu Scopus, Google Scholar dan ScienceDirect. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kekurangan kajian yang ketara berkaitan pengurusan strategik dalam GLC di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar topik pengurusan strategik dalam GLC di Malaysia diterokai dengan lebih mendalam oleh penyelidik tempatan.

ABSTRACT

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has emphasized that government-linked companies (GLC) are strategic

entities in supporting Malaysia's development agenda. This position makes GLC distinctive, as they must balance commercial objectives, public interests, and governmental accountability. Although various studies have been conducted on GLC performance, strategic management in the context of Malaysian GLC has yet to be comprehensively explored. Discussions on strategic management in GLC remain fragmented and insufficiently integrated, particularly in explaining how GLC formulate, implement, and adapt strategies to achieve sustainable organizational performance while fulfilling their responsibilities towards stakeholders. Therefore, this literature review was conducted to identify research gaps related to strategic management in Malaysian GLC. This study utilizes a literature review methodology based on five (5) implementation steps, namely scoping, planning, identification, screening, and reporting. A total of twelve (12) search keywords were established for the purpose of this study. Information for the literature review was retrieved from three (3) databases: Scopus, Google Scholar and ScienceDirect. The study findings indicate a substantial research gap in the literature on strategic management in Malaysian GLC. This study suggests a deeper and more comprehensive exploration of the topic of strategic management in Malaysian GLC by local researchers.

1. Pengenalan

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan bahawa syarikat berkaitan kerajaan (*Government-Linked Companies*, GLC) memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada dan merealisasikan pembangunan Malaysia (Anwar, 2023). Dalam konteks Malaysia, GLC merupakan entiti strategik dalam struktur ekonomi dan tadbir urus negara, khususnya melalui penglibatan dalam sektor kritikal seperti utiliti, kewangan, pengangkutan, tenaga dan infrastruktur. Kedudukan ini membezakan GLC daripada perusahaan swasta konvensional kerana operasinya berasaskan struktur organisasi hibrid yang menggabungkan objektif komersial, mandat awam dan pemilikan kerajaan. Oleh itu, GLC bukan sahaja perlu mencapai kecekapan ekonomi dan daya saing pasaran, tetapi turut memenuhi tuntutan akauntabiliti awam serta kepentingan strategik kerajaan. Keadaan ini menjadikan pengurusan GLC lebih kompleks kerana organisasi perlu mengimbangi pelbagai tuntutan institusi dan kepentingan pihak berkepentingan yang berbeza.

Dari perspektif struktur korporat, GLC mempunyai hubungan yang signifikan dengan kerajaan melalui aspek pemilikan, pengurusan dan pembuatan keputusan strategik. Dalam konteks Malaysia, GLC merujuk kepada syarikat yang mempunyai hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan kerajaan melalui pemilikan atau entiti pelaburan berkaitan kerajaan (Marzuki & Wahid, 2022). Sesebuah syarikat lazimnya dikategorikan sebagai GLC apabila kerajaan mempunyai kepentingan kawalan efektif, termasuk kuasa untuk melantik ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan serta mempengaruhi keputusan utama syarikat. Kawalan ini boleh dilaksanakan secara langsung oleh kerajaan atau melalui *Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Investment Companies, GLIC)* (Abdullah & Said, 2015).

Manakala dari segi operasi, GLC terlibat dalam pelbagai sektor ekonomi seperti kewangan, telekomunikasi, utiliti, pengangkutan, tenaga, pembinaan, minyak dan gas serta pembuatan (Lau & Tong, 2008; Azman et al., 2024). Penglibatan dalam sektor-sektor tersebut menunjukkan bahawa GLC mempunyai kedudukan yang signifikan dalam pembangunan ekonomi negara serta berpengaruh terhadap persekitaran perniagaan dan pasaran modal Malaysia. Selain itu, hubungan GLC dengan kerajaan turut memberikan potensi akses kepada kontrak kerajaan, sokongan kewangan dan kelebihan tertentu dari aspek kawal selia, yang seterusnya mengukuhkan kedudukan GLC dalam landskap korporat negara (Azman et al., 2024).

Pelbagai inisiatif pembaharuan telah diperkenalkan, termasuk program pengkorporatan, pengukuhan kod tadbir urus, pelaksanaan sistem pengurusan prestasi serta pembangunan kerangka kawal selia berasaskan integriti. Keseluruhan usaha tersebut bertujuan memperkukuh ketelusan, akauntabiliti dan kecekapan organisasi, di samping memastikan penciptaan nilai awam kekal sebagai salah satu pertimbangan utama dalam pengurusan GLC (Aziz A. A. et al., 2025; Khoo, 2018; Said et al., 2015). Namun demikian, bukti empirikal menunjukkan bahawa pembaharuan struktur dan institusi tidak semestinya menghasilkan tahap prestasi dan keberkesanan tadbir urus yang seragam dalam kalangan GLC (Alfan et al., 2023). Variasi tersebut menunjukkan bahawa keberkesanan sesuatu struktur formal bukan hanya bergantung pada reka bentuk institusi, tetapi turut dipengaruhi oleh amalan pengurusan pada peringkat organisasi.

Dalam hal ini, dimensi pengurusan masih merupakan aspek yang relatif kurang diteorikan dalam literatur GLC. Sebahagian kajian terdahulu cenderung menganalisis GLC melalui lensa sektor awam atau perspektif korporat berorientasikan pasaran. Kedua-dua pendekatan tersebut, walaupun memberikan penjelasan yang bernilai, berpotensi mengehadkan pemahaman terhadap sifat hibrid GLC yang beroperasi secara serentak di bawah pengaruh logik komersial, mandat kerajaan dan tuntutan kepentingan awam. Akibatnya, pengurusan sering diletakkan sebagai mekanisme sokongan kepada tadbir urus atau sebagai faktor yang mempengaruhi prestasi, bukannya sebagai konstruk analitikal yang dapat menjelaskan bagaimana organisasi mengurus dan merundingkan tuntutan institusi yang pelbagai. Kekangan konseptual ini menyebabkan proses pengurusan, khususnya yang berkaitan dengan tafsiran, pembuatan keputusan dan pelaksanaan strategi, kurang mendapat perhatian sebagai mekanisme yang menghubungkan struktur institusi dengan hasil organisasi.

Sehubungan itu, pemahaman yang lebih menyeluruh tentang tadbir urus dan prestasi GLC memerlukan sintesis konseptual yang merentasi beberapa aliran literatur, termasuk tadbir urus korporat, pengurusan awam, kajian perusahaan milik kerajaan (*state-owned enterprises*) dan teori organisasi. Sintesis ini penting kerana literatur tersebut secara berasingan telah menghasilkan penjelasan yang signifikan tentang struktur pemilikan, akauntabiliti, kecekapan, legitimasi dan prestasi organisasi, tetapi hubungan antara dimensi-dimensi tersebut dari perspektif pengurusan masih belum disepadukan secara mencukupi dalam konteks GLC Malaysia.

1.1. Permasalahan Kajian

Dalam sesuatu bidang penyelidikan, jurang pengetahuan dapat dikenal pasti apabila penemuan dan perbincangan terdahulu masih belum memberikan penjelasan yang mencukupi terhadap sesuatu persoalan atau fenomena. Jurang tersebut tidak semestinya

menunjukkan ketiadaan kajian, sebaliknya boleh wujud dalam bidang yang telah mendapat perhatian penyelidik tetapi masih mempunyai aspek tertentu yang belum diterokai secara mendalam (Farooq, 2017).

Mattick et al. (2018) menjelaskan bahawa pengenalpastian jurang penyelidikan turut merangkumi keadaan apabila pengetahuan sedia ada belum mencukupi untuk menjelaskan sesuatu isu secara menyeluruh. Dalam keadaan tertentu, keterbatasan maklumat dan bukti empirikal yang tersedia boleh menyebabkan pemahaman terhadap sesuatu fenomena kekal tidak lengkap serta mengehadkan pembentukan kesimpulan yang lebih kukuh (Azeez & Elegund, 2022). Oleh itu, penelitian terhadap pengetahuan sedia ada merupakan langkah penting bagi menentukan aspek yang masih memerlukan perhatian penyelidikan dan memberikan asas kepada pembentukan permasalahan kajian.

Penilaian terhadap kajian terdahulu membolehkan kedudukan sesuatu bidang dikenal pasti berdasarkan keseluruhan bukti penyelidikan yang tersedia. Dalam hal ini, tinjauan literatur menyediakan pendekatan yang terancang untuk mengenal pasti, menilai dan mensintesis hasil kajian terdahulu berdasarkan prosedur yang ditetapkan (Muhammad & Che Ahmad, 2021). Pendekatan tersebut turut menekankan ketelusan dalam proses pemilihan dan penilaian sumber, sekali gus membolehkan proses penyelidikan didokumentasikan dengan jelas serta direplikasi oleh penyelidik lain (Siddaway, Wood & Hedges, 2018).

Melalui proses sintesis tersebut, penyelidik bukan sahaja dapat menelusuri perkembangan sesuatu bidang, tetapi juga mengenal pasti pola dapatan, tema penyelidikan, kecenderungan kajian dan aspek yang masih kurang diberi perhatian. Penggunaan kata kunci yang bersesuaian juga penting dalam memastikan pencarian literatur merangkumi kajian yang relevan dengan skop penyelidikan yang ditetapkan (Michie & Williams, 2003).

Sehubungan itu, tinjauan literatur mempunyai fungsi yang lebih luas daripada sekadar menghimpunkan dan meringkaskan hasil kajian terdahulu. Pendekatan ini membolehkan bukti penyelidikan yang berselerak disusun dan dianalisis bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perkembangan sesuatu bidang, di samping membantu mengenal pasti batasan pengetahuan sedia ada dan ruang yang masih memerlukan penelitian (Snyder, 2019).

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang penyelidikan berkaitan topik pengurusan strategik dalam GLC di Malaysia.

2. Sorotan Literatur

GLC memainkan peranan strategik dalam struktur ekonomi dan tadbir urus Malaysia. Dalam konteks tersebut, GLC beroperasi dalam ruang organisasi yang unik dengan mengimbangi matlamat komersial, kepentingan awam dan tuntutan akauntabiliti. Kedudukan ini menjadikan pengurusan GLC berbeza daripada organisasi yang beroperasi sepenuhnya berasaskan kepentingan komersial. Keputusan berkaitan sumber, operasi, pelaburan dan prestasi perlu mengambil kira bukan sahaja pencapaian organisasi, tetapi juga struktur pemilikan dan tuntutan pihak berkepentingan.

Ting & Lean (2011) merumuskan bahawa GLC di Malaysia beroperasi berasaskan objektif komersial meskipun kerajaan mempunyai kepentingan kawalan secara langsung. Kedudukan tersebut menjadikan GLC suatu konteks organisasi yang signifikan untuk penelitian pengurusan strategik, khususnya dalam memahami bagaimana organisasi merangka, melaksanakan dan menyesuaikan strategi bagi mengurus tuntutan komersial serta kepentingan pihak berkepentingan yang pelbagai.

Literatur empirikal berkaitan GLC di Malaysia menunjukkan bahawa penyelidikan terdahulu banyak memberikan perhatian kepada prestasi organisasi, struktur pemilikan, mekanisme tadbir urus dan struktur kewangan. Sejumlah kajian membandingkan prestasi GLC dengan syarikat bukan GLC (non-GLC), di samping meneliti pengaruh komposisi lembaga pengarah, kualiti audit, struktur modal dan faktor tadbir urus terhadap pencapaian organisasi (Ab Razak et al., 2011; Alfian et al., 2023; Azman et al., 2024; Najid & Rahman, 2011; Ting & Lean, 2011). Ab Razak et al. (2011) meneliti hubungan antara struktur kawalan kerajaan, mekanisme tadbir urus dan prestasi firma, manakala Isa & Lee (2016) membandingkan prestasi GLC dengan firma bukan GLC berdasarkan indikator ekonomi. Ting & Lean (2011) pula memberikan perhatian kepada struktur modal, sementara Alfian et al. (2023) menghubungkan struktur modal dengan prestasi kewangan serta ciri-ciri lembaga pengarah syarikat.

Walau bagaimanapun, penelitian terhadap literatur terdahulu menunjukkan bahawa GLC telah dikaji melalui pelbagai aspek, termasuk prestasi organisasi, struktur pemilikan, mekanisme tadbir urus dan struktur kewangan. Kepelbagaian fokus tersebut mencerminkan perkembangan penyelidikan yang merangkumi pelbagai konstruk, objektif dan pendekatan empirikal. Walau bagaimanapun, perbezaan fokus dan pendekatan tersebut menyebabkan kedudukan keseluruhan berkaitan topik pengurusan strategik dalam GLC masih belum dapat dikenal pasti dengan jelas.

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti sejauh mana aspek pengurusan strategik dalam GLC di Malaysia telah diterokai dalam literatur empirikal sedia ada. Pendekatan tersebut dapat memberikan gambaran yang lebih tersusun tentang perkembangan kajian sedia ada dan seterusnya membantu menentukan ruang penyelidikan yang masih memerlukan perhatian empirikal (Snyder, 2019).

3. Metodo Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur bagi memetakan pengetahuan sedia ada dan mengenal pasti aspek yang masih memerlukan penelitian lanjut. Prosedur kajian diadaptasi daripada pendekatan metodologi yang digunakan oleh Nik Khusairie & Azmi (2023) serta Wan Salmuni et al. (2021), dengan pengubahsuaian yang dibuat berdasarkan tujuan dan skop kajian ini. Proses tinjauan melibatkan lima (5) peringkat, iaitu penetapan skop, perancangan strategi pencarian, pengenpastian kajian yang berpotensi untuk dimasukkan, penyaringan sumber berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan pelaporan hasil tinjauan. Susunan peringkat tersebut adalah selaras dengan kerangka tinjauan literatur yang dikemukakan oleh Khan et al. (2003). Perincian prosedur bagi setiap peringkat ditunjukkan dalam Jadual 1.

Berdasarkan objektif dan skop kajian, strategi pencarian literatur dirangka dengan menetapkan artikel yang memaparkan kata kunci berkaitan kajian dalam tajuk penerbitan sebagai unit pencarian utama. Pendekatan ini digunakan bagi meningkatkan

ketepatan hasil carian dengan memastikan penerbitan yang dikenal pasti mempunyai hubungan yang jelas dengan tema dan fenomena yang dikaji. Proses pencarian dilakukan menggunakan tiga (3) pangkalan data jurnal yang telah ditetapkan bagi memperoleh sumber literatur dengan liputan yang lebih luas.

Jadual 1: Langkah-langkah pelaksanaan tinjauan literatur

Langkah Tinjauan	Huraian
Penentuan Skop	Skop kajian berfokuskan kepada pencarian artikel-artikel yang mengandungi kata kunci dalam tajuk artikel (<i>title of the article</i>).
Perancangan	Merancang kriteria tinjauan yang merangkumi kata kunci, jenis bahan, dan pangkalan data jurnal berindeks.
Pengenalpastian	Kriteria kata kunci, jenis bahan dan pangkalan data jurnal berindeks adalah seperti berikut: 1. Dua belas (12) kata kunci sebagai <i>search string</i> iaitu 'Pengurusan', 'Pengurusan Strategik', 'Syarikat Berkaitan Kerajaan, Pengurusan Dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan', 'Pengurusan Strategik Dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan', 'Pengurusan Strategik Dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan di Malaysia' 'Management', 'Strategic Management', 'Government Linked Companies', Management in Government Linked Companies', 'Strategic Management in Government Linked Companies' & 'Strategic Management in Malaysian Government Linked Companies'. 2. Artikel yang diterbitkan oleh jurnal berindeks dipilih sebagai bahan dalam tinjauan literatur ini. 3. Maklumat tinjauan literatur diakses daripada tiga (3) pangkalan data jurnal berindeks iaitu <i>Scopus</i>, <i>Google Scholar</i> dan <i>ScienceDirect</i>. Penerimaan artikel adalah berdasarkan artikel-artikel yang mengandungi kata kunci dalam tajuk artikel (<i>title of the article</i>).
Penyaringan	Tidak ditetapkan tempoh tahun supaya kuantiti artikel diterima adalah maksimum. Capaian data dibuat pada 28 Ogos 2026.
Pelaporan	Laporan hasil tinjauan dibuat dengan memfokuskan kepada perbincangan aspek jurang penyelidikan (<i>research gap</i>).

Dalam mengurus hasil carian, kemungkinan berlakunya pertindihan rekod antara pangkalan data turut diberikan perhatian. Artikel yang dikenal pasti sebagai rekod

berulang hanya dikekalkan sebagai satu rekod bagi mengelakkan pengiraan berganda dalam himpunan literatur yang digunakan untuk analisis.

Bagi pencarian melalui *Google Scholar*, kaedah carian disesuaikan dengan ciri '*Advanced Search*' yang disediakan oleh pangkalan data tersebut. Fungsi '*include patents*' dan '*include citations*' tidak dipilih kerana kedua-dua kategori bahan berkenaan berada di luar skop literatur yang ditetapkan dalam kajian ini. Pencarian kemudiannya dilakukan melalui pilihan '*find articles with all of the words*', dengan keseluruhan kata kunci yang telah dikenal pasti dimasukkan ke dalam medan '*search string*'. Selain itu, tetapan '*in the title of the article*' digunakan untuk memastikan hasil carian tertumpu kepada penerbitan yang mengandungi kata kunci kajian dalam tajuknya. Penggunaan tetapan tersebut membolehkan proses pencarian dikawal secara lebih khusus serta memastikan hasil yang diperoleh sepadan dengan kriteria skop yang telah ditetapkan.

Sumber literatur bagi kajian ini diperoleh daripada tiga (3) pangkalan data jurnal, iaitu *Scopus*, *Google Scholar* dan *ScienceDirect*. Pemilihan pangkalan data tersebut mengambil kira pendekatan yang digunakan oleh Ghazali et al. (2021), di samping keperluan untuk mengakses sumber penerbitan yang mempunyai tahap liputan dan ciri pengindeksan yang berbeza. Dalam pelaksanaan strategi pencarian, *Scopus* dan *ScienceDirect* berfungsi sebagai pangkalan data utama, manakala *Google Scholar* digunakan sebagai sumber pelengkap bagi memperluas capaian kepada penerbitan yang berpotensi mempunyai kaitan dengan bidang kajian (Ghazali et al., 2021). Gabungan ketiga-tiga sumber ini membolehkan pencarian literatur dilakukan secara lebih menyeluruh dan pada masa yang sama mengurangkan kebergantungan terhadap satu pangkalan data sahaja.

Setelah proses pencarian selesai, semua rekod yang diperoleh daripada ketiga-tiga pangkalan data dikumpulkan dan melalui proses pengurusan rekod sebelum penilaian kelayakan dilaksanakan. Pada peringkat ini, rekod yang mempunyai penerbitan yang sama dikenal pasti dan disatukan bagi mengelakkan sesuatu artikel dikira lebih daripada sekali. Hanya rekod yang telah melalui proses penghapusan pertindihan diteruskan ke peringkat penilaian berdasarkan kriteria pemilihan yang telah ditetapkan. Artikel yang memenuhi kriteria tersebut kemudiannya dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam set literatur akhir bagi tinjauan.

Keseluruhan pendekatan ini membentuk satu aliran pencarian dan pemilihan literatur yang tersusun, sekali gus memastikan bahan yang dianalisis mempunyai kaitan yang mencukupi dengan fokus kajian dan dapat digunakan sebagai asas untuk mengenal pasti ruang serta jurang penyelidikan yang masih belum diterokai.

4. Dapatan Kajian

Jadual 2 seperti di bawah menunjukkan dapatan tinjauan literatur. Didapati bahawa walaupun telah banyak kajian-kajian lepas dalam topik pengurusan, *management*, syarikat berkaitan kerajaan, *government linked companies*, pengurusan strategik dan *strategic management* namun begitu wujud kekurangan kajian yang sangat ketara bagi topik pengurusan strategik dalam syarikat berkaitan kerajaan di Malaysia (*strategic management in Malaysian government linked companies*).

Jadual 2 : Dapatan tinjauan literatur

Kata Kunci	Scopus	Google Scholar	Science Direct	JUMLAH
Pengurusan	163	4,930	0	5,093
Pengurusan Strategik	3	48	0	51
Syarikat Berkaitan Kerajaan	3	8	0	11
Pengurusan Dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan	1	0	0	1
Pengurusan Strategik Dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan	0	0	0	0
Pengurusan Strategik Dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan di Malaysia	0	0	0	0
<i>Management</i>	1,396,062	2,030,000	67,125	3,493,187
<i>Strategic Management</i>	11,245	59,100	371	70,716
<i>Government Linked Companies</i>	76	54	1	131
<i>Management in Government Linked Companies</i>	8	7	0	15
<i>Strategic Management in Government Linked Companies</i>	1	0	0	1
<i>Strategic Management in Malaysian Government Linked Companies</i>	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	1,407,562	2,094,147	67,497	3,569,206

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengurusan strategik dalam GLC di Malaysia masih kurang diterokai, sekaligus memperlihatkan kewujudan jurang penyelidikan (*research gap*) dalam topik tersebut. Memandangkan GLC memainkan peranan strategik dalam menyokong agenda pembangunan negara, maka topik pengurusan strategik dalam GLC, khususnya dalam konteks Malaysia, wajar diberi perhatian oleh para penyelidik tempatan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Tidak berkenaan. Kajian ini tidak melibatkan peserta manusia dan tidak memerlukan kelulusan daripada Jawatankuasa Etika atau Lembaga Semakan Institusi (IRB).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Innovative University College (IUC) atas sokongan, kerjasama dan bantuan yang telah diberikan dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Tiada pembiayaan diterima untuk kajian ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdullah N. H. N. & Said J. (2015). Enhancing the governance of government linked companies via strategic management accounting practices and value creation, *Procedia Economics and Finance*, 28, 222-229.
- Ab Razak, N. H., Ahmad, R., & Aliahmed Jobor, H. (2011). Does government linked companies (GLCs) perform better than non-glcs? evidence from Malaysian listed companies. *Journal of Applied Finance and Banking*, 1(1), 213-240.
- Alfan, E., Jalil, A. A., Yen, E., & Oon, N. (2023). Capital structure and firm performance in government-linked companies: moderating role of board composition and ethnic diversity. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 20, 170-183.
- Anwar Ibrahim. (2023). *Sesi pertemuan bersama GLIC di MOF*. Kementerian Kewangan Malaysia. <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/foto/sesi-pertemuan-bersama-glic-di-mof>
- Azeez, F. T. & Elegunde, A. F. (2022). Research gaps in management sciences: an x-ray of literature. *International Journal of Innovative Science and Research Technology*, 7(1), 955-962.
- Aziz, A. A., Ajis, M. N., & Mohd, A. (2025). Integrity regulations and corporate governance in government linked companies: promoting transparency and compliance with sustainable development goal 16. *Journal of Lifestyle and SDGs Review*, 5(3), 1-17.
- Azman, A. A., Amir, A. S., Zaidi, Z. R., Isa, E. V. M., & Hassan, A. C. (2024). Government-linked companies, audit quality, and firm size: key determinants of firm performance in Malaysia. *Jurnal Ilmiah Akuntansi Keuangan Dan Bisnis (JIKABI)*, 3(2), 77-87.
- Farooq, R. (2017). A framework for identifying research gap in social sciences: evidence from the past. *The IUP Journal of Management Research*, 16(4), 67-76.
- Isa, M., & Lee, S.-P. (2016). The performance of government-linked companies in Malaysia. *Capital Markets Review*, 24(2), 1-13.
- Khan, K. S., Kunz, R., Kleijnen, J. & Antes, G. (2003). Five steps to conducting a systematic review. *Journal of the Royal Society of Medicine*, 96(3), 118-121.
- Khoo, E. S. Y. (2018). The Impact of the Government-Linked Companies Transformation Program (GLCTP) on the Performances of Government-Linked Companies (GLCs) in Malaysia. *Michigan Journal of Business*, 11(1), 36-51.
- Lau, Y. W. & Tong, C. Q. (2008). Are Malaysian Government Linked Companies (GLCs) Creating Value? *International Applied Economics and Management Letters*, 1(1), 9-12.
- Marzuki, M. M. & Wahid, K. A., (2022). The effect of government transformation programme on government investment: evidence from Malaysia, *Asian Journal of Empirical Research, Asian Economic and Social Society*, 12(1), 1-10.
- Mattick, K., Johnston, J., & de la Croix, A. (2018). How to write a good research question. *Clinical Teacher*, 15(2), 104-108.

- Michie, S. & Williams, S. (2003). Reducing work related psychosocial ill health and sickness absence: a systematic literature review. *Occupational and Environmental Medicine*, 60(1), 3–9.
- Muhammad, M. & Che Ahmad, A. (2021). Keperluan modul pembelajaran sosial dan emosional: satu analisis literatur sistematik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(44), 52–67.
- Najid, N. A., & Rahman, R. A. (2011). Government Ownership and Performance of Malaysian Government-Linked Companies. *International Research Journal of Finance and Economics*, 61, 42–56.
- Nik Khusairie, J. & Azmi, A. (2023). Epistemologi masyarakat madani dan Masyarakat sivil: mengenal pasti jurang penyelidikan melalui tinjauan literatur sistematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), e002552–e002552. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i10.2552>
- Said, J., Alam, M. M., & Bin Abd Aziz, M. A. (2015). Public accountability system: Empirical assessment of public sector of Malaysia. *Asian Journal of Scientific Research*, 8(2), 225–236. <https://doi.org/10.3923/ajsr.2015.225.236>
- Siddaway, A. P., Wood, A. M., & Hedges, L. V. (2018). How to do a systematic review: a best practice guide for conducting and reporting narrative reviews, meta-analyses and meta-syntheses. *Annual Review of Psychology*, 70(1), 747–770.
- Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104(August), 333–339.
- Ting, I. W. K., & Lean, H. H. (2011). Capital structure of government-linked companies in Malaysia. *Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance*, 7(2), 137–156.
- Wan Salmuni Wan Mustaffa, Rafiduraida Abdul Rahman & Hariyaty Ab Wahid. (2021). Kualiti perkhidmatan dalam kalangan pelajar kurang upaya (OKU): tinjauan literatur sistematik di sektor pendidikan tinggi. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 42–48.